


Bangunan ke-2 tertinggi dunia di KL

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



MENARA IKONIK... Menara Merdeka 118 yang terletak di Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur dengan ketinggian 678.9 meter.



Ismail Sabri (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Penyempurnaan Pemasangan Puncak Menara Merdeka 118 pada Selasa. Turut bersama Arifin (kiri) dan Ahmad Zulfarnain.

Menara Merdeka 118
menjadi pemangkin
baharu ekonomi
ibu kota

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

KUALA LUMPUR

Pembinaan menara Merdeka 118 ketika negara berdepan cabaran Covid-19 merupakan pencapaian yang hebat dalam bidang kejuruteraan negara.

Lengkapannya pemasangan puncak menara Merdeka 118 yang dilaksanakan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, men-

jadikannya bangunan kedua tertinggi dunia selepas Burj Khalifa dan Asia Tenggara pada ketinggian 678.9 meter.

Ismail Sabri dalam ucapannya berkata, menara Merdeka 118 bakal memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia sebagai pemangkin baharu ekonomi bagi Kuala Lumpur, sekali gus melengkapi kawasan lain yang sedang rancak membangun.

“Merdeka 118 juga membawa semangat Keluarga Malaysia, selain memberi peluang komuniti setempat membangunkan perniagaan kerana kawasannya berdekatan dengan Jalan Petaling, Kampung Attap dan Pudu.

“Mereka juga dapat mengadakan program atau aktiviti untuk menambahkan daya tarikan di kawasan sekitar

Merdeka 118 menerusi Program Geran Komuniti Merdeka 118.

“Permohonan Geran Merdeka 118 dibuka pada 28 Jun sehingga 20 Ogos 2021, di mana Keluarga Malaysia boleh memohon tiga jenis geran iaitu Sukan, Seni dan Komuniti Perniagaan.

“Langkah ini menggalakkan penglibatan Keluarga Malaysia dalam perkongsian idea untuk mengaktifkan semula komuniti dan membina lebih banyak peluang pertumbuhan sosio-ekonomi,” katanya ketika Majlis Perasmian Pemasangan Puncak Menara Merdeka 118 di sini.

Hadir sama, Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim; Pengerusi

Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tun Arifin Zakaria serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulfarnain Onn.

Menara Merdeka 118 dinamakan mengambil inspirasi mercu tanda sejarah negara iaitu Stadium Negara dan Stadium Merdeka kerana lokasinya menghadap kedua-dua mercu tanda itu.

Tambahnya, Merdeka 118 merupakan menara pertama di Malaysia mencapai penarafan platinum hijau dalam pensijilan kelestarian antarabangsa dan pensijilan WELL yang berprestij.

WELL Building Standard mengambil pendekatan menyeluruh terhadap kesejahteraan persekitaran binaan memberi tumpuan kepada tatalaku, operasi dan reka bentuk.

FAKTA SEKILAS PANDANG MENARA 118

- Pencakar langit baharu Merdeka 118 yang mula dibina pada Julai 2014 diberi nama sempena memperingati kemerdekaan Malaysia dan didirikan di tapak bekas Taman Merdeka. Terletak bersebelahan dua warisan negara – Stadium Negara dan Stadium Merdeka.
- Sebelum ini dikenali sebagai KL 118 kerana terletak di Kuala Lumpur dan memiliki 118 tingkat. Ada juga menyebutnya Menara Warisan Merdeka dan akan menjadi ibu pejabat baharu PNB.
- Bangunan pertama di Asia Tenggara yang mempunyai lebih daripada 100 tingkat.
- Bangunan setinggi 644 meter itu akan menjadi bangunan tertinggi ke-2 dunia selepas Burj Khalifa di Dubai. Bangunan tertinggi di Asia Tenggara.
- Permodalan Nasional Berhad (PNB), salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia jangka kos pembangunan kasar Merdeka 118 sebanyak RM5 bilion.
- Inspirasi rekaan Merdeka 118 mencerminkan imej ikonik pengisytiharan kemerdekaan oleh Perdana Menteri Pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
- Menempatkan lima tingkat hotel residensi, 12 tingkat bilik hotel dan 83 tingkat pejabat serta pusat komersial.
- Jangkaan siap sepenuhnya pada tahun 2025 dengan puncak menara siap pada Oktober lalu.